

Bab 6

Tema Sastera Cina Sarawak 1950-1962

Tema melibatkan pandangan hidup pencipta itu terhadap dunia. Tema juga merujuk kepada tujuan utama dalam setiap karya secara konkrit.¹ Tema yang dirujuk oleh penulis Cina Sarawak pada tahun 50-an dan 60-an ialah pemikiran kesusasteraan Sarawak yang unik kerana latar belakang, dan alam sekeliling masyarakat pada masa itu, sangat berbeza dengan tempoh lain. Pemikiran yang ditunjukkan dalam ciptaan karya kesusasteraan adalah hasil daripada zaman itu yang tidak dapat dilihat dalam tempoh yang lain. Oleh itu, tema yang diklasifikasikan oleh penulis adalah merujuk kepada matlamat dan perasaan dalam hasil ciptaan karya. Karya-karya Sastera Cina Sarawak pada tahun 50-an dan 60-an dapat diklasifikasikan kepada enam tema utama seperti berikut:

6.1 Membangkang Cadangan Pulang ke China dan Mengakui Tanah Tempatan

Selepas penubuhan China Baru, pemuda yang bercita-cita tinggi di Sarawak

1 Lihat *Zhongguo gudai wenxue shida zhuti, yuanying yu liubian* 中国古代文学十大主题, 原型与流变 1994 : 7 (Sepuluh Tema Utama Sastera Cina Klasik - Bentuk Asal dan Perubahannya) oleh Wang Li 王立. Wang Li menggolongkan Sastera Cina Klasik kepada sepuluh tema utama, iaitu menghargai masa, merindu, tempat asal, mengenang zaman purba, bersedih pada musim luruh, kebencian pada musim bunga, khayalan, merindu kampung halaman, hidup dan mati. Tema yang ditunjukkan oleh penulis dalam buku ini bukan tema dalam sesuatu ciptaan karya yang dirujuk, tetapi adalah berhubung dengan beberapa perasaan yang lebih ditumpukan, pemikiran dan cara pembentangan kesusasteraan yang berkenaan yang seakan-akan sama diliputi dalam keseluruhan Sastera Klasik Cina.

masing-masing pulang ke China. Pemuda di seberang laut amat memuja Mao Zedong yang sanggup membebaskan China begitu cepat. Mereka percaya China akan menjadi makmur dan kuat kelak. Pada masa itu, emigran Cina masih berperasaan kuat terhadap kampung halaman di China lama. Negara China yang kuat dan makmur bermakna kaum Cina sudah berharapan. Perasaan ini dapat dibuktikan dalam esei Sun Chunde 孙春德 yang berkata,

Di Sarawak, ramai pelajar Sayap Kiri menyahut seruan tanah air dan pulang ke China untuk menyertai kerja pembinaan sosialisme. Ini telah menyebabkan permulaan satu arus pulang ke negara. Dalam tempoh tahun 1949 hingga 1952, di Kuching dan Sibu sahaja, tidak kurang daripada dua ratus hingga tiga ratus pelajar telah pulang ke China (1995: 47).

Mereka pulang dengan tujuan membangunkan China. Akan tetapi, generasi kedua emigran Cina yang dilahirkan antara tahun 30-an hingga 40-an telah dewasa. Bagi generasi kedua ini, China ialah suatu tempat yang asing, iaitu satu tempat dalam imaginasi sahaja. Mereka lebih mengetahui Sarawak daripada China. Kesedaran status emigran mereka pun semakin pudar.

Jingji shibao 经济时报 (Akhbar Ekonomi Semasa) yang diterbitkan pada tahun 1956 di Singapura pernah membincang tentang isu yang dihadapi emigran, iaitu sama ada pulang ke China atau terus tinggal di tempatan. Isu ini juga menjadi topik perdebatan hangat di Sarawak. Ada yang membangkang cadangan pulang ke China dan menunjukkan

kehendak untuk terus tinggal dan bekerja di sini, seperti sajak “Nan zhongguo hai” 南中国海 (Laut China Selatan) oleh Wu An:

Laut China Selatan, lautan yang kuat

Ombak besar kau yang bergemulung

Memisahkan tanah besar di utara dan pulau-pulau di selatan

Ombak besar kau yang bergemulung

Menyambungkan tanah besar dan pulau-pulau di selatan.

Segulung tikar buruk, dua buah bantal dengan satu harapan tinggi mencari rezeki

Nenek moyang kita hanyut dan mengembara dalam ombak gemulung

Lima puluh tahun dahulu, satu atau beberapa abad dahulu

Membentang layar, membiarkan angin perdagangan bertiup dan di bawah
seksaan matahari

Jauh meninggalkan negara asal dan sampai di tanah asing yang samar-samar

Kini, pokok-pokok buah sedang berbunga, bau harumnya tersebar ke merata

Pohon besar yang penuh mengandungi susu putih ialah pokok getah

Padang hijau kebun lada tergantung mutiara berkerintil

Semaian benih padi telah bercambah dan mengeluarkan pucuk hijau

Nenek moyang kita hanyut dan mengembara dalam ombak gemulung

Umpama pokok kelapa di tepi laut menggugurkan buahnya di atas pantai
Biar air pasang surut menghanyutkannya ke pulau yang lain
Di sana, benih melepaskan kipas hijau burung merak ke langit
Benih sekali lagi berbuah beribu-ribu bijih buah yang enak
Nenek moyang kita hanyut dan mengembara dalam ombak gemulung

Kami bertapak, dan kemudian berakar di sini
Makanan kita tidak enak, tempat tinggal tidak selesa
Kulit kami menjadi hitam di bawah matahari terik, tetapi darah masih darah
Berkata : Kami ialah anak-anak, tanah ialah ibu
Tanahmu di utara ialah ayah kami

Lima puluh tahun, satu abad, sepuluh abad, sudah berlepas
Apabila burung musim membuka kepak lagi untuk terbang ke tempat bermusim
bunga
Sekumpulan budak-budak mendukung beg berhenti sekolah, terputus cinta
menganggur dan 'orang tidak dikehendaki' , menyanyi lagu bernada rendah
Menembusi dadamu mengejar musim bunga pertama dalam kehidupan

Lautan, apakah pendapatmu?

Oh, lautan, apakah pendapatmu tentang generasi kami ini?

Kau memisahkan tanah besar di utara dan pulau-pulau di selatan!

Kau pula menyambungkan tanah besar di utara dan pulau-pulau di selatan !

(S20)

Penulis mengisahkan pengalaman orang Cina berhijrah ke Sarawak dari tempat jauh dengan mengharungi lautan besar. Oleh itu, penyajak tidak berhenti-henti mengulangkan “Nenek moyang saya hanyut dan mengembara dalam ombak gemulung ini.” Tujuan penghijrahan nenek moyang hanya satu, iaitu mencari rezeki, dengan harapan dapat mencari satu sinar baru dalam kehidupan. Mereka membanting tulang di tanah ini dan beransur-unsur melihat hasilnya. Sebab itulah penyajak berkata,

Pokok buah sedang berbunga, pohon besar pokok getah sedang mengalir susu getah, pokok-pokok lada berbuah lebat, benih padi di sawah juga telah berpucuk (S20).

Berikutan dengan perubahan masa, titik peluh orang Cina telah dijalinkan pelbagai perasaan dengan tanah ini. Sebelumnya, tujuan orang Cina datang meneroka di Nanyang cuma untuk mencari rezeki. Setelah memperoleh sejumlah wang yang cukup, mereka akan pulang ke negara China. Mereka berharap dapat pulang ke kampung halaman yang telah lama berpisah kerana dalam pandangan mereka negeri China ialah kampung halaman yang sebenarnya. Akan tetapi sejarah terus berkembang dan berubah.

Anak cucu mereka “bertapak dan berakar di sini.” Tanah yang mereka akui bukan lagi negeri China, tetapi tempat di mana mereka lahir dan membesar. Oleh itu, boleh dikatakan kecetusan perasaan bukan tindakan semula jadi seseorang, tetapi ialah hasil daripada sejarah.² Generasi baru Sarawak telah mula berfikir tentang masalah mengakui tanah air. Bagi mereka, China ialah satu tempat yang jauh dan tidak dapat dicapai. Tanah inilah mereka membesar dan tahu akan alam sekelilingnya. Dalam masalah mengakui tanah air, mereka terlebih dahulu menghadapi masalah mengenal pasti identiti dirinya. Di bawah pengaruh golongan merindui kampung halaman, China ialah tanah air bagi nenek moyang mereka. Sama juga, dengan perubahan dan perkembangan sejarah, timbul juga perasaan mencintai kampung halaman (Sarawak) yang sukar dihapuskan oleh golongan pemuda. Yu Tian telah menyanyi, “Tanah Air -- Sarawak yang Disayangi” (S53). Beliau mengaku bahawa diri sendiri ialah rakyat Sarawak.

Oleh itu, antara tahun 1949 hingga 1952, walaupun terdapat sebilangan besar pemuda Sarawak telah pulang ke negara China, tetapi masih ada orang yang berfikir secara rasional, iaitu di manakah sebenarnya tanah air mereka? Tepatlah seperti yang dikatakan

2 Tufu Haina: “Cetusan perasaan menunjukkan sejenis tanda, tetapi sudah pasti bukan tindakan semula jadi seseorang. Ini telah dibuktikan oleh analisis psikologi. Tingkah laku yang kelihatan paling spontanitas, apabila dijalankan percubaan, didapati tingkah laku itu ialah hasil daripada sejarah. Disebabkan tingkah laku itu berasal dari sini, maka baru dapat dibetulkan keadaan tentang diri sendirinya” (Petikan dari Wang Li 1994: 243).

oleh penulis, “Dengan ombak bergemulung, kau (Laut China Selatan) menyambungkan tanah besar di utara dan pulau-pulau di selatan.” Ini adalah perhubungan darah dan kebudayaan yang tidak dapat dipisahkan antara orang Cina di Sarawak dengan negara China. Kebudayaan tanah besar China juga telah mengalami proses penyebaran, berakar dan perubahan di arena kebudayaan tempatan di Sarawak. Orang Cina yang datang ke selatan mendukung identiti keturunan Cina, dan mereka mewarisi tradisi kebudayaan dari negara China. Mereka telah membentuk satu golongan yang tersendiri yang mengamalkan cara hidup kebudayaan Cina, malah disebabkan mereka berada di Sarawak, dan di bawah pengaruh kebudayaan tempatan, maka berlakunya pengubahsuaian pada kebudayaan diri sendiri. Pemuda-pemuda tempatan beridentifikasi dengan kebudayaan Cina, tetapi dari segi kewarganegaraan, mereka tidak bersetuju bahawa China ialah tanah air mereka. Ini adalah kerana pergerakan perjuangan menuntut kemerdekaan di Sarawak telah bermula, dan bagi mereka, masalah identiti negara dan identiti kebudayaan adalah dua perkara yang harus dipisahkan. Tanah besar di utara dan pulau-pulau di selatan sememangnya adalah dua tempat yang berpisah. Bukan sahaja dari segi jarak dan kedudukan fizikal geografi, malah keseluruhan alam sekitar masyarakat, pemikiran dan kebudayaan di Sarawak telah membentuk sifat unik tempatan.

Malangnya, Sarawak masih merupakan sebuah tanah jajahan British, dan bukan sebuah negara bebas. Orang ramai juga sedar akan perkara itu. Pada mulanya mereka tidak bersetuju dengan cadangan pulang ke China, dan kemudian bergiat dalam usaha

memperjuangkan kemerdekaan. Hanya setelah Sarawak menjadi sebuah negara bebas, pengakuan terhadap negara baru dapat direalisasikan. Wu An dalam sajaknya “Zuguo” (S11) memberi definisi yang lebih mendalam tentang tanah air. Beliau pada masa itu juga merupakan salah seorang dalam barisan membangkang cadangan pulang ke utara. Beliau hanya berumur belasan tahun, tetapi beliau telah memahami perkataan tanah air secara mendalam. Negara China memang baik, tetapi itulah tanah air bagi nenek moyangnya. Jelaslah bahawa perasaan individu telah memperindahkan gambaran kampung halaman di tanah air, sama seperti pemuda di Sarawak yang telah memperindahkan khayalan mereka terhadap tanah air. Cuba lihat sajak “Zuguo” oleh Wu An:

Bunyi hon kapal memecah angkasa sunyi

Waktu subuh bulan Mei sedang bergetar di atas kepala

Hati orang bergeletar, apabila kegembiraan dan kesedihan

Hangat bergelagak di dada orang ramai

Seorang perempuan tua berambut putih sedang menangis di tepi kapal

Seorang pemuda sedang berbisik-bisik di sisinya

Adakah ibu yang sedang menghantar anaknya?

Atau anaknya yang sedang menghantar ibunya yang hendak berlayar jauh?

Bunyi hon sekali lagi mengumumkan saat perpisahan sudah menjelang

Orang-orang yang menghantar terdesak turun ke tangga kapal

Kapal dan jeti, anak dan ibu

Semakin jauh berpisah dalam sapu tangan yang berkibar-kibar

Jauh berpisah, tetapi bunyi tangisan perempuan tua itu

Masih jelas kedengaran bergema dalam bunyi deram kapal

Tidak jelas kelihatan sama ada pemuda itu juga menangis

Hanya ternampak air laut bergulung-gulung di bawah jeti

Selamat jalan, ibu

Jangan bersusah hati kerana anakmu

Apabila kau sedang merindui tanah airmu

Apabila tanah air sedang menyerumu

Sekarang ialah musim bunga di sana

Tanah air yang sudah engkau berpisah bertahun-tahun

Buah *pipa* sedang berbuah lebat dan tersenyum di atas ranting

Akan menyambut kepulanganmu

Tanah air kau pernah menjadi syurga dalam mimpiku

Berkali-kali kau mengkehendaki aku mengingati

Tanah di sana mayat nenek moyang dikebumikan

Aku akan mengingati selama-lamanya ... tetapi ibu, selamat tinggal!

Tanah airku juga sedang menyeru

Ia berada di bawah tapak kaki aku, bukan di seberang laut

Tanah bermusim panas yang dipenuhi pokok-pokok kelapa dan pokok pisang !

Pulau kegelapan yang dilanda oleh ombak gemulung !

Aku pemuda yang berjasmani dan berohani yang sihat

Bersedia berkorban untuk tanah airku

Tulang nenek moyangku dikebumikan di kampung halaman mereka

Tulang aku akan dikebumikan di kampung halamanku!

Selamat tinggal, ibu yang kusayangi

Kapal hilang dari penglihatan di tempat jauh sebuah sungai

Jeti yang tersesak tadi hanya tertinggal seorang pemuda

Cuma air sungai masih bergelora!

Sejak itu dia berpisah dengan kegirangannya

Sejak itu dia berpisah dengan kedukaannya

Semasa dia berjalan di pekan Khatulistiwa

Dia akan memikirkan kampung-kampung yang terpencil di tanah air! (S11)

Sajak ini adalah berkenaan seorang pemuda yang menghantar ibunya pulang ke China. Di permulaan sajak itu, penyajak telah menyediakan latar belakang untuk mengisahkan perpisahan, tetapi ditinggalkan ruang untuk berfikir, “Adakah ibu yang sedang menghantar anaknya atau anak yang sedang menghantar ibunya ke tempat yang jauh?” Pembaca mungkin berfikir ibulah yang menghantar anaknya yang pulang ke China kerana pemuda ketika itu mempunyai pujaan dan harapan tinggi terhadap China. Akan tetapi, penulis tidak berhenti-henti menghancurkan imaginasi pembaca, dan membawa pembaca masuk ke dunia imajinasinya. Penulis akhirnya menyatakan dengan jelas di rangkap kelima bahawa sebenarnya ialah ibu yang hendak pulang ke China.

Cuba lihat ayat-ayat ini: “Tanah air yang kau berpisah bertahun-tahun/ buah *pipa* yang berbuah lebat di atas ranting akan menyambut kepulangan kau” serta “Berkali-kali engkau mengkehendaki aku mengingati/ tanah di sana mayat nenek moyang dikebumikan.” Ayat pertama memaparkan kerinduan ibu terhadap tanah airnya. Di bawah kesan pindahan perasaan, seakan-akan buah *pipa* di kampung halamannya juga menyambut kepulangannya. Ayat yang berikutan pula menyatakan kerinduan ibu terhadap ahli keluarganya di tanah asal (walaupun telah lama meninggal dunia). Ini adalah sejenis kesedaran yang hendak pulang ke tempat asal yang kemudiannya berubah menjadi batin jiwanya yang pulang. Ibu dalam sajak itu bukan sahaja jiwanya sudah pulang, tetapi badan fizikalnya juga pulang ke China. Sebaliknya, bagi penyajak, “Tanah airku juga sedang

menyeru/ ia berada di bawah tapak kakiku, bukan di seberang laut” dan “ialah di tanah bermusim panas dan berpokok-pokok kelapa dan pokok pisang.” Ini merupakan jiwanya yang pulang. Terhasilnya kesedaran ini sebenarnya ialah pengakuannya bahawa Sarawak ialah tanah airnya.

Golongan cendekiawan ketika itu tidak bersetuju pulang ke China. Perasaan cintakan negara dan tanah air juga kuat dipaparkan dalam hasil ciptaan fiksiyen, misalnya “Kelian de haizi” 可怜的孩子 (Anak Kasihan) (F1) oleh Wei Meng dan “Zhenzuo” 振作 (Berbangkit Semangat) (F17) oleh Wu An. Kedua-dua cerita itu membincangkan tentang soal pulang ke China.

Ah Niu dalam “Kelian de haizi” hasil Wei Meng mendengar nasihat kakak sepupunya Ming Li, yang berkata,

“Betul, apa yang dicakapkan kakak sepupu memang benar! Kita harus mencintai tanah yang melahirkan kita dan berjuang demi masa depan dan kebahagiaannya.” Ah Niu memegang penumbuknya sekuat-kuatnya, mengembalikan sikap optimistik dan kepercayaan dirinya semula seperti dahulu (F1).

Salah seorang watak utama dalam “Zhenzuo” iaitu Luo Sheng juga pernah mengatakan pernyataan yang sama. Cuba dengar kata-katanya,

Xingyuan, janganlah kau pulang. Kita bukan jenis orang itu. Kita bukan jenis orang itu! Kita mencintai tanah air kita! (F17).

Ini adalah percakapan Luo Sheng kepada kawannya Zhuo Xingyuan 卓星元, apabila mendapat tahu bahawa Zhuo sudah membuat keputusan hendak pulang ke China. Luo

Sheng berharap dapat mengembangkan bakat muziknya di tanah tempatan. Dia tekun mempelajari muzik agar pada suatu hari nanti dia akan dapat menjadikan muzik sebagai alat perjuangan manusia. Dia hendak belajar bagaimana “menyatakan kesusahan dan aduan rakyat, teriakan dan harapan mereka melalui rentakan muzik” (F17).

Prosa “Nongcun” 农村 (Kampung Tani) (P21) oleh Shi Shi 石史 pula mengisahkan perubahan yang dialami oleh seorang pemuda Zheng Chaohua 郑超华 di kampung tani. Pada mulanya dia ingin pulang ke China untuk melanjutkan pelajarannya. Setelah memahami hal sebenarnya, dia mengubah hasrat asalnya, dan mengambil keputusan menceburkan diri dalam kerja pertanian dan berusaha untuk mengubah kehidupan di kampung tani. Dia belajar bersama-sama dengan sekumpulan pemuda lain di kampung tani itu, dan akhirnya dapat mencari haluan dalam kehidupan.

Ciptaan karya ini begitu kuat menentang cadangan pulang ke utara kerana dari segi perasaan, penulis telah menerima sebulat-bulat Sarawak sebagai tanah airnya. Kesedaran ini bukan berlaku pada penyajak seorang diri sahaja, tetapi ialah kesedaran bersama kaum Cina. Untuk merealisasikan cita-cita perjuangan dan masa depan Sarawak yang gemilang, setiap individu dikehendaki memperkembangkan keupayaan jiwanya. Kepentingan tugas dan sumbangan setiap individu dalam masyarakat telah ditekankan. Hanya menerusi kerjasama dan bantu-membantu antara kaum, pembangunan Sarawak baru akan berjaya dan tujuan menjamin kebajikan orang Cina dapat dicapai.

6.2 Menggambarkan Realiti dan Membangkitkan Semangat

Sesuatunya kesedaran yang terhasil semestinya mengalami suatu pergolakan dan kesedaran pemikiran. Untuk membangkitkan keazaman perjuangan orang ramai, realiti dalam kehidupan harus didedahkan. Maka terdapat penyajak yang mencuba sedaya upaya mengisahkan realiti yang diselubungi kegelapan dan ketidakadilan. Tujuan mereka adalah menyedarkan orang ramai tentang keadaan semasa yang sedang mereka hadapi, dan membantu mereka dalam memahami keadaan yang mereka sedang berada ketika itu. Contohnya sajak “Ibunda Kita - Sarawak” (S58) oleh Sha Hai mengandungi seruan penyajak untuk membangkitkan orang ramai daripada tidur lena. Dalam sajak ini, penderitaan hidup rakyat tidak habis-habis diceritakan. Keadaan ini dibagikan ayam yang berkokok pada waktu subuh sudah dicekik kerongkongnya. Ia cuba berkokok tetapi bunyinya tidak dapat dikeluarkan.

Dalam sajak ini penyajak juga menyatakan kegelisahannya tentang pendidikan Bahasa Cina. Pendidikan Bahasa Cina merupakan suatu kerjaya yang amat dipentingkan oleh rakyat emigran Cina. Pada tahun 1961, kerajaan British mengistiharkan Akta Pelajaran Baru. Akta ini mengancam kebebasan perkembangan pendidikan kaum Cina (Li Huashan 李华山 t.t 62). Kebimbangan ini menyebabkan kebangkitan kesedaran orang Cina untuk mempertahankan pendidikan kaum. Kesedaran ini juga menunjukkan semangat dan ketegasan penyajak dalam mempertahankan maruah dan kebudayaan bangsa.

Selain sajak tersebut, “Weida de muqin” 伟大的母亲 (Ibu yang Berjasa) (S61) oleh Sha Ning 沙宁 juga bertujuan mempertahankan pendidikan Cina. Keseluruhan sajak itu menyuarakan kesungguhan keinginan hendak mempertahankan pendidikan bangsa.

Sajak Sha Ye “Gei yiwei malai xiongdi” 给一位马来兄弟 (Kepada Seorang Saudara Melayu) juga merupakan sebuah ciptaan sajak yang amat bermakna.

Saudara

Sekali lagi saya berjumpamu

Seperti dahulu

Kau berteriak

Pulut panggang

Pulut panggang

Suara tajammu

Memecah kesunyian malam

Dari pekan ini sehingga ke lorong sana

Kau berjalan dan berjalan

Seakan-akan ialah waktu siang

Tetapi sekarang ialah waktu malam

Waktu malam yang gelap

...

Pulut panggang

Pulut panggang
Tiap-tiap malam
Kau berjalan dan berteriak
Sederet kedai demi sederet kedai
Sederet kedai demi sederet kedai
Pada hari hujan lebat dan ribut kencang
Kau menggulung badan
Bersembunyi di bawah kaki lima
Angin kencang menikam tulang
Meniup engkau tidak berbelas kasihan
Kau tertidur kerana terlalu letih
Dalam malam seperti ini
Kau selalu bermimpi sedap
Termimpi waktu siang
Termimpi akan matahari
(Oh, betapa benci kau kepada waktu malam)
Termimpi kau membawa beg pergi ke sekolah
(Oh, betapa mewahnya sekolah itu kelihatan)
Bermain kejar-kejar dengan kawan-kawan sedarjah
Termimpi emak membeli baju baru untukmu

Beca bapa penuh membawa kek
Termimpi budak nakal Ahmad telah menjadi sahabat karibmu
Tidak lagi berkelahi dan berlawan denganmu dalam perniagaan
Termimpi . . .
Tetapi, kau terkejut daripada mimpi
Kau mengesat mata dan melihat sekeliling
Yang mengelilingi kau masih kegelapan
Malam yang sunyi dan dingin semakin gelap
Mengenang, mengenang . . .
Tepi mulut engkau tergantung satu senyuman yang jarang kelihatan
Oh, betapa cantik mimpi tadi
Jika ini satu kenyataan, cuba fikir, oh, betapa baiknya
Tetapi ini memang satu mimpi sahaja
Nasib kau masih tidak berubah
Seorang budak miskin yang bergelut dalam kehidupan
Selain daripada sekejap tadi yang menyenangkan hati
Apakah lagi yang ia membawa kepadamu
Maka
Pulut panggang
Pulut panggang

(Sekali lagi engkau memikul bakul usang itu

Berteriak dan berjalan . . .)

Malam menjadi bertambah gelap

. . .

Tahukah ? Saudara

Kenapa kehidupan begitu kejam bagimu

Oh, siapa ? Siapakah yang merampas kebahagiaan hidupmu

Tahukah ? Saudara

Kenapa kau dipandang hina

Oh, siapa ! Siapakah yang tidak melayan kau sebagai seorang manusia

Cakaplah ! Beranilah bercakap

Saudara yang dikasihi

Hari ini

Aku

Seorang pemuda rakyat jelata Cina

Dengan suara parau aku

Hendak menyanyikan sebuah lagu mendakwa

Kepada segenap manusia

Kepada seluruh dunia. (S62)

Sajak ini mengisahkan kesukaran hidup seorang saudara Melayu yang menjual pulut panggang sehingga waktu malam. Selepas sehari tenat bekerja, dia sepatutnya duduk dan berehat di rumah, tetapi budak itu masih berteriak dan menjual di pekan, bertungkus lumus untuk mencari rezekinya. Penyajak juga menggunakan suara 'pulut panggang' yang berulang-ulang dan bergema dalam kesunyian malam. Gema tersebut telah menusuk jiwa pendengar dan pembaca, dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwa mereka.

Penderitaan hidup budak itu bukan setakat itu sahaja. Penyajak telah menggunakan cara perbandingan untuk menonjolkan nasib malang budak itu, iaitu orang ramai yang tidur lena berbanding dengan budak yang tidak berpeluang tidur. Selepas sehari penat bekerja, akhirnya budak kecil itu juga jatuh tidur. Penyajak merancangkan satu mimpi untuknya, dan dalam mimpi itu, penyajak membiarkan harapan budak itu dicapai satu-persatu. Dia berpeluang bersekolah, berpakaian baru, mempunyai sahabat karib, dan di tepi mulutnya tergantung senyuman yang jarang kelihatan.

Sigmund Freud (1856-1939) mengatakan bahawa mimpi merupakan tempat cita-cita tercapai.³ Dalam mimpi, seseorang dapat memperoleh kepuasan yang sementara,

³ Kata Freud: "Mimpi ialah satu fenomena psikologi yang bermakna. Sebenarnya, mimpi membolehkan cita-cita tercapai (Sigmund Freud 1993: 55).

tetapi ia merupakan buih yang boleh berpecah. Selepas sedar daripada mimpi, segalanya akan berpulih seperti asalnya. Pada saat itu, perasaannya begitu sedih dan begitu pahit! Siakah tidak mempunyai mimpi sendiri, tetapi mimpi yang tidak dapat dicapai amatlah memilukan.

Dalam rangkap akhir sajak ini, penyajak menggunakan cara pertanyaan untuk menguatkan pendakwaannya. "Oh, siapa, siakah merampas kebahagiaan hidup kau?" Pertanyaan ini sebenarnya merupakan pendakwaannya terhadap keseluruhan masyarakat. Sistem masyarakatlah yang sebenarnya merampas hak-hak persekolahan budak itu. Oleh sebab sistem masyarakat yang tidak sempurna, dia terpaksa mempertimbangkan masalah kehidupan terlebih dahulu. Ini bukan sahaja masalah budak Melayu, tetapi masalah yang dihadapi oleh keseluruhan golongan bawahan kerana kewujudan mereka terlalu lama diabaikan.

Cuba lihat penggambaran kehidupan kaum nelayan dalam "Yuge" 渔歌 (Lagu Nelayan) (S63) oleh Ma Fang 马芳. Mereka bertarung nasib di lautan, kerana masyarakat yang mereka berada tidak berupaya membekalkan syarat kehidupan yang lebih baik. Oleh itu, reformasi harus diadakan untuk membaiki keadaan hidup mereka. Selain itu, sajak ini juga membawa maklumat lain, iaitu meletakkan manusia di tempat yang paling utama. Manusia hidup untuk mempertahankan maruah dan kebebasan. Bagi kaum petani pula, kehidupan mereka juga kurang baiknya. Sajak "Petani Mana yang Tidak Sayangkan

Tanam-tanaman Mereka?" oleh Tian Ning ialah sajak yang mengisahkan kesusahan kerja keras dan tidak terdaya golongan petani.

Seorang petani menekan kegelisahan hatinya

Dungu memandang ke pokok-pokok lada yang berderet-deret

Apa gunanya tangan memegang parang yang berkilau-kilau ?

Sekarang tidak perlu menebas rumput, juga tidak perlu menebang pokok lagi

Eh ! Tangannya tiba-tiba mengibas

Pokok-pokok lada yang tumbuh subur masing-masing tumbang dan jatuh ke tanah

Adakah, adakah dia sudah gila?

Lihatlah, dia umpama seorang gila yang mengamuk, mengibaskan parangnya ke kanan dan ke kiri

Kasih ! Petani mana yang tidak sayangkan tanam-tanamannya ?

Disebabkan buah lada tidak berharga dan tidak dapat mengalas perut (S40)

Sajak ini mengisahkan pekebun lada menebangkan pokok-pokok lada yang merupakan sumber rezekinya. Jelaslah buah lada begitu tidak berharga sehingga dia terpaksa menanam tanaman yang lain. Masalah ini tidak sahaja dihadapi oleh dia seorang sahaja. Ramai lagi petani yang hidup lebih susah berbanding dengannya.

Kehidupan golongan rakyat kelas bawahan di Sarawak terus digambarkan oleh penulis. Contohnya ciptaan novel “Yujia yuan” 渔家怨 (Aduan Kaum Nelayan) (F18) oleh Lu Gao 鲁高 adalah berkenaan kepayahan hidup kaum nelayan. Mereka bukan sahaja terpaksa menghadapi dengan bahaya ombak besar di laut, malah menanggung risiko menangkap ikan di perairan Indonesia. Ini adalah akibat desak hidup, menunjukkan kesedihan dan kepahitan dihadapi oleh rakyat. “Zhuangjia han” 庄稼汉 (Penanam Sayur-sayuran) (F19) oleh Baiying Xishi 百英西士 mengisahkan kesengsaraan hidup kaum Cina pada masa pemerintahan Jepun. Akan tetapi, tujuan penulis bukan setakat itu sahaja. Di bahagian kesudahannya penulis berkata:

Kehidupan penanam sayur-sayuran adalah sebegitu . . . setiap hari mereka berharap berpeluang hidup dengan lebih baik lagi (F19).

Penderitaan semasa pemerintahan Jepun masih tidak dapat dipulih selepas dunia mencapai perdamaian. Setiap hari pekebun masih berharap kehidupan mereka akan menjadi lebih baik. Ini sebenarnya ialah sindiran penulis. Kebahagiaan hidup hanyalah wujud dalam khayalan semata-mata dan tiada sesiapa tahu sama ada ia dapat direalisasikan. “Cun shang huanghun” 村上黄昏 (Waktu Senja di Kampung) (F20) oleh Lu Weiming 路威明 juga mengemukakan dakwaannya terhadap kehidupan kaum petani. Novel ini menceritakan penderitaan hidup keluarga miskin, seperti tiada wang untuk merawat anak yang jatuh sakit, tidak mampu membayar yuran sekolah anak perempuan Ah Lan 阿兰, berhutang dengan pekedai runcit tetapi tidak ada wang untuk menjelaskan hutang, dan di

bawah syarat-syarat yang terbatas, mereka hidup dalam keadaan yang menderita. Mereka hanya bersabar dan bersabar lagi serta mereka langsung tidak terdaya untuk mengubah dan memperbaiki kehidupan, cuma mengeluarkan sedikit pendakwaan.

Walaupun penulis Sarawak juga mengemukakan kritikan terhadap realiti, tetapi pendakwaan mereka adalah berlainan daripada kritikan Lu Xun. Lu Xun menganggap penyakit tenat masyarakat Cina ialah kelemahan semangat pada golongan kelas bawahan itu sendiri. Oleh sebab itu, mereka tidak dapat mengawal nasib mereka. Akan tetapi penulis Sarawak menganggap kemiskinan golongan kelas bawahan adalah disebabkan oleh faktor-faktor luar, akibat daripada penindasan dan pmerasan kelas pemerintah. Kehidupan hanya akan dapat dibaiki apabila kerajaan British digulingkan dan negara ini dibebaskan.

6.3 Mencintai Tanah Air dan Memperjuangkan Kemerdekaan

Hal yang paling diambil berat oleh rakyat ketika itu ialah tentang perjuangan menuntut kemerdekaan Sarawak. Oleh itu, karya mereka selalu membayangkan perasaan mencintai dan mengakui tanah kampung halaman. Pembentukan pandangan kampung halaman di Sarawak sebenarnya adalah berpunca dari situ. Walaupun rakyat di Sarawak tidak mengadakan kempen merealisasikan unsur-unsur tempatan,⁴ tetapi kesedaran ini memang wujud. Keadaan ini lebih jelas kelihatan dalam ciptaan sajak. Contohnya sajak berbentuk prosa yang berjudul "Keai de tudi" oleh Xiao Nan:

Saya menganggap tanah ini sebagai ibu saya, mendukung perasaan membara seperti untuk kekasih serta dengan darah bergelagat disumbangkan kepada tanah yang indah ini dan mempertahankan tanah ini seperti melindungi ibu sendiri. Saya hendak seperti askar yang gagah, tidak membiarkan kuasa asing merampas sebarang buah hasil kita. Burung merpati terbang di angkasa tanah ini selama-lamanya dan helang malam akan selama-lamanya mempertahankan kemakmuran dan kebahagiaan hidup kita. (S65)

Sajak berbentuk prosa ini bermula dengan penerokaan orang Cina. Disebabkan titik peluh nenek moyang, maka anak cucu harus menghargai hasil kerja keras mereka. Dari situ berkembang kehendak untuk mempertahankan kebebasan dan kemerdekaan tanah ini daripada penindasan kuasa asing. Oleh itu, suara untuk memperjuangkan kemerdekaan tanah air adalah amat kuat, cubalah lihat “Wo de zuguo, Shalaoyue” 我的祖国-砂劳越 (Oh ! Sarawak, Tanah Air Saya ...):

Oh! Sarawak, tanah air saya

Anak-anakmu yang baik dan terpuji

-
- 4 Selepas perang dunia, berlakunya polemik di arena sastera Cina di Malaya. Pergerakan memperjuangkan kemerdekaan adalah hangat dan mengkehendaki kesusasteraan membayangkan realiti tempatan. Akan tetapi dari segi yang lain, kesedaran emigran masih belum hilang. Selepas permulaan polemik ini, orang ramai dirangsangkan berfikir bersungguh-sungguh tentang sifat unik Sastera Cina Malaya. Jika dilihat dari segi pandangan sastera, sesetengah daripada mereka berpendapat bahawa satu daripada sifat unik Sastera Cina Malaysia ialah sifat harmoninya, iaitu ia telah berpadu dengan sifat unik kehidupan masyarakat tempatan. Jika dipandang dari segi kebudayaan dan masyarakat, bermakna telah mengakui dan menerima kebudayaan tempatan, di samping melakukan pengubahsuaian semula tentang kebudayaan sendiri, dan seterusnya membentuk satu kebudayaan tempatan yang tersendiri serta tidak lagi bergantung kepada kebudayaan tanah besar China. Perkembangan pemikiran ini juga telah mempengaruhi Sarawak. Walaupun pengaruhnya bukan secara langsung, tetapi pengaruh ini telah berlangsung untuk beberapa tahun di Sarawak.

Tidak tertunduk disebabkan ini

Sebaliknya

Untuk membaiki kehidupan

Untuk kemerdekaan tanah air

Mereka menceburkan diri dalam pasukan memperjuangkan kemerdekaan

Dengan sorakan slogan merdeka (S65)

Rakyat Sarawak memahami bahawa cara yang praktikal adalah menganggap Sarawak sebagai tanah air. Oleh itu, demi masa depan Sarawak, mereka harus melakukan sesuatu untuknya. Perkara yang paling mendesak adalah memperjuangkan kemerdekaan Sarawak. Untuk menjayakan tujuan ini, mereka harus bekerjasama dengan kaum-kaum lain. Perjuangan yang dihadkan kepada satu kaum yang tertentu tidak akan berupaya menentang kuasa politik pendatang. Oleh itu, sajak “Huyu” 呼吁 (Menyeru) oleh Xiang Shan 向善 berbunyi,

Bangkitlah

Saudara Dayak di rumah panjang

Saudara Melayu di kampung

Mereka hendak membebaskan segala kemiskinan dan kebuluran

Dengan itu

Bunyi sehati umpama guruh

Berbunyi di setiap pelusuk tanah air

Beribu-ribu dan berjuta-juta orang sedang bersorak !

... sehati. (S66)

Sebagai bangsa penghijrah, orang Cina datang ke Sarawak untuk mencari rezeki. Selain mencari peluang berusaha dalam bidang ekonomi, mereka langsung tidak bergiat dalam bidang politik. Pada masa penjajahan British, orang Cina hanya berperanan sebagai watak sampingan. Kesedaran politik wujud akibat krisis kehidupan yang dihadapi. Untuk mendapat hak-hak dalam bidang politik, orang Cina terpaksa bergiat dalam aktiviti politik tempatan, agar dapat memperjuangkan kemerdekaan Sarawak. Oleh itu, karya mereka selalu menunjukkan perasaan yang kuat terhadap tanah air dan sanjungan pada tanah ini.

Untuk mendapat kejayaan dalam bidang politik, penulis sastera telah memikul tugas mempropaganda. Oleh itu, perasaan yang dibayangkan dalam karya adalah semangat berkobar-kobar dan menyanjung cita-cita perjuangan. Contohnya seperti gadis yang bernama Hui 慧姑娘 dalam novel *Guxiang di ye* 故乡的夜 (Waktu Malam di Kampung Halaman) (F15) oleh Fan Min dan pemuda-pemudi dalam *Qingchun shanguang* 青春闪光 (Waktu Remaja yang Berkilau-kilauan) (F21) oleh Shi Feng 石凤. Mereka cintakan tanah air dan berazam untuk berkorban demi masyarakat. Mereka mengenyepikan percintaan individu kerana mengutamakan masa depan negara. Tindakan mereka kuat

menunjukkan emosi revolusi yang membara dan semangat perjuangan yang kuat. Nasib negara adalah berhubung rapat dengan nasib individu. Golongan pemuda tidak lagi hidup dalam dunia sempit sendiri. Mereka harus melepaskan diri daripada kongkongan keluarga, percintaan dan individu serta menceburkan diri dalam masyarakat.

Walaupun jalan di hadapan bersemak-semak dan berduri, tetapi mereka harus berani mara ke depan. Dari segi inilah sajak telah memainkan peranan meningkatkan semangat orang. Contohnya sajak “Lu” 路 (Jalan) oleh Ping Huan 平环:

Jalan ini jalan yang payah dan berliku-liku
Beribu-ribu anjing syaitan sedang mengepong jalan ini
Melihat dengan mata hantu setiap siang dan malam
Begitu berhelah dan bengis
Puaka dan hantu ditarik ke sini
Menyerang dan memakan orang-orang yang melaluinya
Jalan ini jalan yang payah dan berliku-liku
Kedengaran tangisan dan laungan hantu
Syaitan yang memakan orang sedang menunjukkan kekuasaannya
Orang yang berani masih mara ke depan
Jalan ini jalan yang payah dan berliku-liku
Syaitan mahu memutuskan jalan ini
Mereka yang berani masih mara ke depan, mara ke depan

Orang ramai nampak ke hadapan

Kepercayaan semakin kuat !

Mara ke depan ! (S67)

Jalan di hadapan itu adalah berliku-liku dan sangat berbahaya, tambahan pula terdapat puaka yang menghalang jalan. Akan tetapi kesemua ini tidak pernah menyekat pemuda-pemuda yang berkeazaman untuk mara ke depan, malah penyajak menyeru mereka supaya meneruskan perjalanan dengan penuh berani. Contoh lain ialah “Shi liangshou zhi fafen” 诗两首之发奋 (Bertekun dalam Dua Buah Sajak) oleh Shi Jian 石鉴:

Bertekun, bertekun !

Kemerdekaan telah membuka pintu harapan

Memberi kita keberanian, kepercayaan diri dan semangat untuk mara ke depan

Kita lepaskan hidup yang gelap

Masing-masing memikul tanggungjawab membina negara

Setiap orang mengamal semangat bekerja keras

Menyempurnakan tugas raksasa ini

Bertekun ! Bertekun !

Di Sarawak, di atas tanah air ini

Kita hendak membina kampung petani di Sarawak baru (S68)

Perasaan pemuda ketika itu begitu bergelegak dan kuat, dilimpah dengan semangat positif yang hendak maju ke depan, tetapi juga disertakan perasaan gelisah dan kemarahan mereka. Emosi yang kuat yang ditunjukkan oleh penulis terhadap keadaan luar alam sekelilingnya telah mengakibatkan terjadinya sikap beliau. Ini juga adalah hasil daripada pengalaman hidup yang dirasainya dengan sifat semula jadinya sendiri. Ini bermakna selepas perilaku perasaan seseorang diubahsuai dan dikawal oleh perilaku perasaan masyarakat (Wang Kejian 王克俭 1997: 78), maka wujudlah arah perasaan yang menyeru orang ramai supaya membina Sarawak.

6.4 Mengubah Fikiran dan Memperkuatkan Pembelajaran

Apakah tujuan hidup? (P22) Bagaimanakah membina pandangan hidup yang baik ? (P23) Soalan-soalan ini juga hangat dibincangkan oleh pemuda ketika itu. Membina pandangan hidup yang baik bermakna membuang tabiat-tabiat yang buruk dan sikap yang mementingkan diri sendiri, sanggup berkorban untuk orang lain dan berpendirian sama dengan orang ramai, berkhidmat untuk orang ramai, dan mengutamakan kepentingan orang ramai daripada kepentingan individu. Pandangan hidup yang baik juga termasuk menyingkir fikiran negatif, kemelatan dan kecabulan. Membina keperibadian yang sempurna dan sikap yang mulia ialah matlamat yang dikejar-kejarkan oleh pemuda ketika itu. Semangat ini dibina atas sikap hidup yang positif dan hati yang terbuka. Untuk membina keperibadian yang lebih sempurna, pembelajaran menjadi syarat utama dapat

meningkatkan pengetahuan perjuangan, seterusnya memupuk kualiti unggul untuk berkhidmat kepada rakyat.

Pada masa itu, orang ramai berpendapat bahawa orang yang hidup dalam masyarakat yang tidak adil akan mempunyai fikiran jahat. Fikiran yang terserong ini adalah berbahaya kepada kaum pemuda yang ingin menyertai pergerakan anti-penjajahan (Sha Za 砂杂 17.5.1962). Oleh itu, pemuda digalakkan tekun belajar agar mencapai tujuan mengubah diri supaya bersesuaian dengan kehendak setiap peringkat perjuangan.

Bagi tujuan mengubah diri dan memupuk sifat pendirian yang sempurna, terlebih dahulu fikiran individulistik yang terdapat dalam golongan bourgeois harus dihapuskan. Individulisme hanya mengutamakan kepentingan diri sendiri sahaja, dan menganggap kepentingan orang ramai kedua pentingnya. Oleh itu, selain belajar, penyemakan diri dan saling mengkritik juga merupakan satu daripada cara untuk mengubah diri. Hanya selepas berjaya mengubah diri barulah dapat seseorang mengubah orang lain dan seterusnya mengubah masyarakat.

Orang ramai ketika itu percaya bahawa kemajuan manusia adalah hasil daripada kerja keras. Cubalah lihat pandangan penulis berikut terhadap kerja keras ketika itu:

Dalam kehidupan seharian manusia, segala aspek yang berhubung dengan rohani dan jasmani adalah berpunca daripada kaum buruh, iaitu petani, pekerja dan buruh yang lain. Sebelum hasil-hasil kerja mereka dilahirkan, mereka telah banyak menghabiskan tenaga dan titik peluh serta kebijaksanaan dan semangat (Sheng 18.10.1956).

Oleh sebab kemajuan masyarakat adalah sumbangan titik peluh kaum pekerja, maka kaum buruh seharusnya dihargai. Berasaskan kepada pandangan ini, cintakan kerja merupakan asas bagi mendirikan pandangan hidup yang betul. Oleh itu, mengubah diri dan mendekati kaum buruh serta berkhidmat untuk golongan rakyat bawahan menjadi matlamat yang amat mulia dalam kehidupan. Pendek kata, tujuan muktamad orang ketika itu menekankan tentang mengubah diri melalui pembelajaran adalah untuk berdamping dengan rakyat, menyumbangkan diri untuk rakyat, dan bersatu dengan tenaga dan kebijaksanaan rakyat. Dengan demikian, kerajaan British barulah dapat digulingkan. Ini bermakna patriotisme dan sikap cintakan tanah air harus dipupuk dalam fikiran setiap individu. Tujuannya ialah cuba mempengaruhi dan menyedarkan rakyat supaya bergiat dalam perjuangan, mengalahkan penindas dan akhirnya menuntut hak negara dan mencapai kemerdekaan melalui penulisan.

6.5 Melepaskan Kebosanan, Berpositif dan Bergiat Diri

Memikirkan masalah kewujudan merupakan perkara yang dihadapi oleh pemuda pada setiap zaman. Dalam proses pemikiran, mereka dapati kewujudan dirinya terbatas, dan menyedari kewujudan adalah sesuatu yang tidak dapat diramal dan dipastikan. Kesedaran ini merupakan permulaan kegelisahan dan kebosanan.

Di sebaliknya orang ramai juga berupaya meningkatkan diri sendiri ke peringkat yang lebih tinggi. Tahun 50-an hingga 60-an merupakan tempoh perkembangan keazaman

orang ramai sehingga ke titik yang paling tinggi. Kehendak mereka terhadap kemerdekaan Sarawak adalah hebat sekali, terutamanya apabila dirangsang oleh suasana politik dari luar, mereka berasa tidak berupaya merancang masa depan dan berasa tidak tentu arah tujuan hidup. Masalah masa depan tanah air selalu mengganggu fikiran mereka, dan kemerdekaan tanah air juga tidak dapat diramalkan. Untuk merealisasikan kemerdekaan, banyak tenaga dan masa daripada orang ramai diperlukan. Akan tetapi, realiti hidup telah menghalang kehendak ini daripada tercapai. Kerajaan British menjadi penghalang utama mereka.

Masalah kewujudan dan perjuangan dalam alam yang realistik merupakan perkara yang mereka tumpukan sehingga wujudnya kebosanan dan kegelisahan. Namun begitu, dalam hati mereka juga tersimpan keinginan mengejar kebebasan. Ini merupakan tenaga yang tersimpan. Apabila tenaga di dalam bertembung dengan kehidupan luar, tenaga yang lebih hebat lagi akan terhasil. Chusen Kyokuson 厨川百村 (1880-1923) berkata,

Sastera berpunca dari tenaga jiwa yang tertekan serta kehidupan yang penuh dengan kebosanan dan kegelisahan (1992: 57).

Apabila berhadapan dengan perasaan bosan, sikap penyajak agak berlainan daripada orang biasa. Penyajak berupaya menyatakan perasaan yang bergelora itu menerusi sajak, dan melepaskan tekanan yang dihadapinya melalui cara ciptaan sastera. Contohnya sajak "Chengchang" oleh Wu An:

Kami mencari bintang yang paling terang di bawah langit gelap

Bintang sedang tersenyum, tidak berhenti tersenyum dengan kami

Sekeliling ialah pokok-pokok rendang yang malar hijau

Angkasa begitu biru dan terang

Kami cuma hendak melihat lautan yang meluas, kebiruan kekalnya

Di kebun kelapa, kami susah payah bertarung dengan nyamuk sepanjang malam

Saling mengadu, tidak patut melancong di tempat sebegini

Perselisihan faham kekanak-kanakan, kami menangis

Menjilat tepi bibir dengan lidah

Terasa sedikit masin

Kami malu, badan kami

Hodoh seperti anak burung yang baru berbulu keras

Selepas berkenalan dengan dewi, maka menganggap sendiri sebagai penyajak

Sekejap bunyi gelak, bunyi gelak itu samar-samar

Masing-masing menyimpan rahsia dalam hati

Kemudian bertiup angin kencang, menyeru tentang masa hadapan kehidupan

Sepuluh jari berpegang kuat-kuat

Langsung tidak berasa susah hati, tidak, lebih tepat dikatakan berasa gembira

Seakan-akan menabur bijih benih ke atas tanah harapan

Pada waktu tengah malam, kami berpisah

Oh, lautan, ombak kau bergelagak

Air kebiruan, air kebiruan

Rasanya hanyir dan masin, tetapi air mata saya

Rasanya begitu manis

Kadang-kadang, di atas daun hijau kehidupan

Ulat dalam kesunyian merangkak di atasnya

Kehidupan menyebabkan orang membuka mata pada waktu malam

Eh, jantung yang dahaga, jangan biarkan ia kering !

Akhirnya saya pergi ke kebun getah mendapatkan sedikit embun.

Pong ! Pintu besi itu ditutup dengan kuat

Sunyi kembali, cuma terdengar bunyi kasut but

Segalanya adalah segar

Malam terdapat bayang-bayang manusia bergoyang

Penjuru di lorong pada waktu siang tergantung cermin hitam

Tetapi bintang-bintang di langit tersenyum setiap malam

Bersinar-sinar dengan mimpi lama masa budak

Di manakah kau berada?

Adakah luka terluka oleh batu-batu?

Malam ini, kami berjumpa lagi
Matamu kelihatan berombak lautan
Kami buka mulut, suaraku menjadi rendah dan kecil
Kami berjabat tangan, lalu aku berasa dipegang dalam tanganmu
Dukacita ? Lebih baik dikatakan sukacita (S18).

Sajak ini menggambarkan pengalaman semasa proses pembesaran pemuda dari remaja hingga dewasa. Dalam tempoh peralihan ini, perasaan pemuda adalah terjal dengan kementahan, kesunyian, konflik, harapan dan kepahitan. Mereka berangan-angan masa depan, tetapi pada masa yang sama mereka juga amat risau masalah-masalah dalam alam yang realistik. Oleh itu, perasaan yang dipaparkan dalam sajak kadang-kadang bersemangat kobar-kobar dan kadang-kadang bersusah hati. Pada asasnya mereka penuh berharapan dan berimajinasi yang indah-indah terhadap segala dunia luar. Seperti kata penyajak, “mereka mencari bintang yang paling terang di bawah langit gelap, mencari bintang yang tidak berhenti tersenyum.” Penyajak cuba menyampaikan perasaan riangnya kepada pembaca melalui senyuman bintang-bintang yang dilambangkan sebagai masa depan pemuda yang gilang-gemilang.

Penulis bersikap positif kerana bercita-cita tinggi. Dia juga percaya bahawa masa depan akan menjadi cerah. Penyajak berkata, “menabur benih ke atas tanah harapan.”

Dengan merujuk kepada “Dun shang de shipian” , kita dapat tahu siapakah penabur itu, penyajak berkata,

Sarawak ialah satu perisai yang indah, tergantung secara condong di atas Khatulistiwa. Penyajak yang muda, apakah sajak yang engkau hendak tulis di atas perisai itu? (1988: 77)

Penyajak bercita-cita hendak menghasilkan sajak yang indah untuk zamannya. Tambahan pula, beliau berharap dirinya sebagai penabur dan melalui sajaknya dapat menyampaikan pemikiran yang mempengaruhi orang lain. Inilah kata-kata penyajak yang penuh bersemangat, menunjukkan beliaulah orang pertama yang berani tampil ke hadapan.

Sajak “Hong de liming” 红的黎明 (Waktu Subuh Kemerahan) oleh Tian Ke pula penuh perasaan yang hangat:

Pada saat sebelum subuh menjelang

Di bawah api yang menyala

Aku ternampak

Dalam cahaya itu hari esok (S38)

Tian Ke juga menyampaikan kepercayaannya terhadap keesokan hari. Beliau menggunakan “api yang menyala” sebagai tanda harapan. Jelaslah di sini bahawa perasaan membara pada umumnya wujud dalam fikiran cendekiawan.

Sajak “Wo zhi you huanxin” 我只有欢欣 (Saya Hanya Bersuka Ria) oleh Yu Tian pula menyampaikan sentimen emosi ini dengan lebih jelas lagi. Cuba hayati kata-katanya:

Aku dengan kepercayaan diri

Pernah ke merata-rata tempat

Tidak terasa asing

Aku hanya bersuka ria

Walaupun hanya kampung nelayan dan kebun getah

Hutan kayu dan telaga minyak

Tidak terasa asing

Aku hanya bersuka ria

Ke mana-mana saya pergi

Pasti ada saudara karib saya

Walaupun mereka Iban, Melayu dan Cina

Di mana-mana sahaja tempat orang tinggal

Pasti ada rakyat yang anti-penjajahan

Tidak terasa asing

Aku hanya bersuka ria

Kami tidak pernah berjumpa
Tetapi kami sudah bersahabat baik
Tidak terasa asing
Aku hanya bersuka ria

Kini aku bergembira
Masa depan aku juga bergembira . . . (S69)

Cara penyampaian penyajak sangat berlainan daripada Wu An dan Tian Ke. Wu An dan Tian Ke menaruh harapan yang besar terhadap masa depan kehidupan mereka. Akan tetapi fikiran positif yang disampaikan oleh Yu Tian pula menyampaikan fikiran yang positif tentang masa depan politik dan beliau percaya bahawa matlamat politik yang diharapkan oleh rakyat akan tercapai. Kebosanan dan kegelisahan dalam perjuangan akan dapat diatasi dengan penghasilan kepercayaan diri. Penyajak bukan sahaja memberi galakan kepada dirinya, beliau juga menggunakannya untuk memberi galakan kepada orang lain.

6.6 Perasaan Remaja yang Indah Umpama Sajak

Perasaan romantik selalu mengharukan orang. Sajak bertemakan percintaan paling disukai oleh penyajak. Cuba lihat sajak “Gei yiwei guniang de liange” 给一位姑娘的恋歌 (Lagu Cinta untuk Seorang Gadis) oleh Lai Fang 来芳:

Oh ! Gadis yang cantik

Aku hendak menulis sebuah lagu cinta untukmu

Angkasa biru sebagai nada iramanya

Sungai jernih sebagai seni katanya

Termasuk hati yang mesra

Oh! Gadis yang cantik

Aku hendak menulis sebuah lagu cinta untukmu

Harap kau menyanyikannya

Seperti burung kelicap yang sedang menyanyi

Harap kau menghargainya

Seperti kau menghargai nyawamu (S70)

Penyajak menyatakan kemesraan dan hasrat cinta dalam hatinya. Beliau menyanyi kerana hendak menarik perhatian gadis cantik. Penyajak cuba menyampaikan segala rasa cinta dengan lagu yang dinyanyikannya beribu-ribu kali dalam hatinya dengan ikhlas.

Perasaan romantik yang ditunjukkan dalam sajak ini dimiliki oleh pemuda pemudi dalam setiap zaman. Akan tetapi di bawah latar belakang masyarakat dan syarat zaman yang berlainan, sikap orang ramai terhadap percintaan juga berlainan. Cuba lihat “Ti zai airen de zhaopian shang” 题在爱人的照片上 (Tulis di atas Gambar Kekasih) oleh Tian Ning:

Ciuman-ciuman berubah menjadi kesedihan
Bayang gadis yang bersih menjadi kuning
Kenangan-kenangan manis
Dipecah oleh ombak yang mengamuk
Aku tidak akan mengikut kau ke utara
Kekasih yang disayangi, kau betapa sedihnya !

Biar kau mendendam aku seumur hidup !
Patukan ular menyebabkan jiwa aku sakit
Dengarlah, bunyi deram ialah penderitaan zaman itu
Memutuskan percintaan
Penyiksaan yang kejam itu, membangkitkan hasratku
Aku mengambil pena untuk menulis sajak lagi ! (S71)

Perasaan yang ditunjukkan dalam sajak ini ialah perasaan tertekan, pahit dan sedih. Di dalam keadaan yang menderita itu, penyajak terpaksa memutuskan cinta dan membantah sifat saling mencintai. Penyajak sengaja hendak melupakan percintaan dengan memotong punca cinta dari satu pihak. Dia terpaksa menanggung perasaan seksa dan mengawal diri. Penyajak sendiri yang memutuskan percintaan itu, maka konflik yang dia alami jauh lebih hebat. Penyajak cuba mengisikan kekosongan dalam percintaan dengan cita-cita yang lebih tinggi dan mulia. Maka, dia 'mengambil pena dan menulis sajak lagi.' Tujuan

penulis ialah cuba menghilangkan kesakitan hatinya dengan meningkatkan perasaan hatinya ke paras yang lebih tinggi melalui cara penciptaan sajak.

Mengapakah penyajak mesti meninggalkan percintaan ini? Pada masa itu, hasrat memperjuangkan kemerdekaan Sarawak adalah lebih penting daripada yang lain. Perkara yang paling penting adalah mencari kebahagiaan hidup rakyat sedangkan percintaan lelaki perempuan dianggap terlalu sempit. Pemuda pemudi tidak seharusnya asyik bercinta asmara. Sebaliknya mereka harus meninggalkan perasaan individu dan menyumbangkan semangat dan tenaga demi mencapai kemerdekaan. Inilah pandangan umum ketika itu yang dianggap mulia dan terpuji. Contohnya ialah kedua-dua watak perempuan dan lelaki dalam “Qingcun zai huangxiao” (F13) oleh Li Yiwen. Mereka berpisah disebabkan agama dan hasrat perjuangan yang berlainan. Watak Zhi Ming dalam “Giciang de ye” (F15) juga meletakkan hasrat perjuangan di atas percintaan. Watak-watak tersebut disanjung tinggi pada masa itu.